

05 JUN 1997

Mahathir-Rasuah

SEMUA ANGGOTA UMNO MESTI BERSIH DARIPADA RASUAH

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua anggota UMNO dan kerajaan bukan sahaja perlu bersih tetapi "nampak bersih" daripada amalan rasuah dan mesti bertindak tegas membanteras gejala itu.

Perdana Menteri berkata tindakan tegas membanteras rasuah perlu bagi mengelakkan kehilangan kredibiliti pada parti dan kerajaan.

"Ini tidak sihat bagi parti dan tidak sihat bagi kerajaan.

"Walaupun akan terkena kepada kawan-kawan kita, tetapi kalau kita tidak ambil tindakan mungkin mereka (kawan-kawan) berpendapat bahawa mereka akan dipertahankan walau apapun yang mereka buat, kerana kita (kerajaan) mempunyai kuasa dan akan melindungi mereka," katanya semasa sidang video dengan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Sidang video yang berlangsung selama 15 minit itu diadakan antara Dr Mahathir yang berada di Fraser Nash Research Ltd, UK, di London dengan Anwar yang berada di ibu pejabat UMNO di Menara Datuk Onn di sini.

Yang turut hadir ialah Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Pergerakan Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik dan Ketua Penerangan Datuk Yusuf Noor.

Sidang video antara Dr Mahathir, yang sedang bercuti selama dua bulan di luar negara, dan Anwar berlangsung selepas Anwar mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) selama hampir tiga jam.

Dr Mahathir berkata tindakan tegas membanteras gejala rasuah yang telah mendapat sokongan penuh Kabinet harus juga mendapat sokongan semua anggota parti.

"Jadi saya berharap Majlis Tertinggi hari ini dapat persetujuan mengenai hal ini kerana ia amat penting," katanya.

Anwar sebelum itu memberitahu Dr Mahathir bahawa mesyuarat MT telah selesai dan memberikan persetujuan penuh untuk bertegas dalam menangani masalah itu.

Dr Mahathir turut bertanya mengenai perkara yang dibincangkan pada mesyuarat hari ini dan sama ada terdapat "apa-apa masalah."

Anwar menjawab: "Masalah tak banyak tapi mengenai langkah yang kita ambil sekarang terutama kebersihan parti dan kerajaan, dan soal rasuah yang mendapat sokongan penuh MT."

Mesyuarat MT turut membincangkan mengenai perisytiharan harta dan pendapatan bagi pegawai kerajaan, wakil rakyat, Exco, Ketua Menteri, Menteri Besar, Timbalan Menteri dan Menteri supaya ia dilakukan dengan teratur dan tepat.

"Perisytiharan itu mestilah benar dan jikalau tidak tepat ia menyalahi undang-undang," katanya.

Anwar berkata MT sepakat untuk mengambil langkah tegas bagi menyampaikan satu mesej yang jelas sama ada kepada anggota politik atau jentera kerajaan dalam usaha membanteras amalan rasuah.

Semasa perbualan sidang video itu, Dr Mahathir berkata beliau berada di pusat penyelidikan itu untuk melihat dengan lebih dekat penyelidikan yang dijalankan di pusat itu terutama yang berkaitan dengan teknologi elektronik.

Dr Mahathir berkata banyak idea di pusat itu yang boleh digunakan untuk program pembangunan di Malaysia.

Beliau juga memaklumkan bahawa beliau berada dalam keadaan sihat dan

dapat menggunakan percutiannya untuk menulis.

Dr Mahathir, yang kelihatan riang, berseloroh: "Semua orang ada di sini. Saya ingat saya seorang sahaja tetapi ramai yang ikut. Tak boleh ada privasi langsung, Saya sepatutnya bercuti tetapi lihat mereka ini, mereka datang ke sini dan memaksa saya supaya bekerja. Jadi saya hendak minta tambahan hari cuti." -- BERNAMA

TM AKD